

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran lebih dekat mengenai *ism fi'l* melalui penelitian dan pendedahan yang dilakukan kepada al-Quran al-karim khususnya dan petikan-petikan bahasa Arab seperti syair umumnya.

Kajian ini mendedahkan bahawa *ism fi'l* tidak kurang pentingnya berbanding jenis kata bahasa Arab yang lain meskipun penggunaannya tidak sekerap jenis kategori kata yang lain. Seperti jenis kata bahasa Arab yang lain, *ism fi'l* juga mempunyai jenis-jenisnya yang tersendiri seperti *ism fi'l amr*, *ism fi'l mudari'*, *ism fi'l madi* sama ada ianya didengari dari orang Arab sendiri atau diubahsuai dari jenis partikel seperti *jarr majrur*, *zarf makan* ataupun dari kata kerja *thulathiyy munsarif*.

Dalam analisis *ism fi'l* yang terdapat dalam al-Quran al-karim, didapati bahawa tidak semua jenis *ism fi'l* yang terdapat di dalam bahasa Arab digunakan dalam al-Quran. Walau bagaimanapun fungsi *ism fi'l* yang terdapat di dalam al-Quran adalah sama sepertimana fungsinya di dalam tatabahasa Arab yang mana peranan *ism fi'l* ialah sebagai *ijaz* dan *ikhtisar* yang meringkaskan kata dengan makna yang padat selain memberi makna yang lebih mantap berbanding jenis kata yang lain.

Seterusnya kajian ini telah menyingkap kekerapan penggunaan *ism fi'l* di dalam al-Quran yang diklasifikasikan mengikut jenis *ism fi'l*, peranannya serta pendedahan makna dan penggunaannya dari aspek tatabahasa dan semantik bahasa Arab yang dapat dimanfaatkan.

## ABSTRACT

This study was conducted to get a more detailed view on *ism fi'l* through observation and exposure that has been done using al-Quran specifically and excerpts from the Arabic language such as poetry as a reference.

This research concluded that *ism fi'l* has the same level of importance compared to other types of Arabic grammar even though its usage is not as common as other categories. As with other Arabic grammar, *ism fi'l* also contains different individual types such *ism fi'l amr*, *ism fi'l mudari'*, *ism fi'l madi* whether it is heard from the arabs themselves or has been modified from types of particles such as *jarr majrur*, *zarf* showing a place or from verbs such as *thulathiyy munsarif*.

The analysis of *ism fi'l* in the al-Quran al-karim shows that not all types of *ism fi'l* in the Arabic language are used in the al-Quran. Nevertheless, the function of *ism fi'l* that is in the al-Quran is the same as in the Arabic grammar where it functions as *ijaz* and *ikhtisar* which shortens the grammar with a more concise and compact meaning other than giving it a more solid meaning compared to other types of grammar.

This research has succeeded in defining to what extent *ism fi'l* was beneficial in its usage in the al-Quran according to its type, function, meaning and its usage from the Arabic language semantic and grammar aspect.

## DEDIKASI

Abah..dirimu inspirasi diriku..

Mama..dirimu pengukuh amani..

Shamsul Akmar,suamiku.. pencetus iltizamku...

Iman..permata hati ummi

Kak Durra, Kak Syikeen, Dik Yah dan Arif

Menceriakan kehidupanku..

Kehadiran semua menyedarkan diriku

Tanpa ilmu siapalah aku..

Kerana usaha tergalinya perigi..

Moga kecintaan ilmu berterusan selamanya..

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, hanya kesyukuran yang mampu penulis panjatkan ke hadrat Allah *jalla jalaluh* kerana dengan pertolongan dan ilham daripadaNya, penulis dapat menyiapkan kajian ini. Salawat dan salam buat baginda Rasulullah s.a.w, keluarga baginda dan para sahabat yang masih mekar sejarah perjuangan mereka hingga ke hari ini.

Sekalung ucapan terima kasih kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Profesor Dr. Azirah Hashim atas peluang yang diberikan penulis untuk melaksanakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia yang dihormati, Dr. Haji Mohammad bin Seman yang terlalu memberi kerjasama, bantuan dan nasihat kepada penulis sepanjang menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga buat Dr. Mohd Zaki Abd Rahman atas saranan yang pernah diberikan. Penghargaan juga penulis tujukan buat En. Asri bin Lubis yang membantu penulis dalam memberikan idea kaedah penerjemahan syair Arab.

Untaian terima kasih buat abah dan mama yang begitu banyak menaja penulis dari bangku sekolah hingga ke peringkat sarjana atas kecintaan mereka terhadap ilmu selain menjana pandangan dan semangat kepada penulis. Buat suami tercinta, terima kasih kerana menjadi pelengkap cita-cita penulis dan begitu bertolak-ansur sepanjang menjalankan kajian ini.

Terima kasih juga buat staf-staf Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, saudara Badril Hisham Abu Bakar, adik-beradik, para sahabat serta sesiapa sahaja yang

terlibat dan membantu penulis memudahkan perjalanan kajian ini. Semoga Allah s.w.t  
memberikan balasan yang terbaik buat semua yang terlibat.

Najjah Salwa Bt. Abd. Razak,

Bandar Baru Bangi,

29 November 2008, 1 Zulhijjah 1429H.